

26/05/2001

Menyelam boleh pikat pelancong

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sukan menyelam adalah antara aktiviti pelancongan yang akan dimajukan melalui Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Katanya, kerajaan bersetuju menambah lebih banyak kemudahan bagi aktiviti menyelam, termasuk pembinaan jeti untuk memudahkan pelancongan meneruskan aktiviti menyelam.

Justeru, katanya melalui RM-8 kementerian memperuntukkan RM1 bilion untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pelancongan di negara ini supaya ia bertaraf dunia bagi keselesaan pelancong.

"Aktiviti menyelam adalah antara program pelancongan yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelancong asing.

"Malaysia kini menjadi destinasi pilihan utama penyelam dari seluruh dunia kerana kedudukannya yang dikelilingi pulau yang indah seperti Pulau Sipadan, Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Kapas dan Langkawi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Pameran Menyelam Asia Antarabangsa (Adex 2001) di Dewan Pameran dan Persidangan Antarabangsa (Mines) di sini, hari ini.

Hadir sama, Presiden Persatuan Sukan Menyelam Malaysia (MSDA), Mukhriz Mahathir dan Pengurus Kawasan Asia Kumpulan Rai yang juga penganjur Adex 2001, Marc de Vries.

Adex 2001 berlangsung dua hari bermula hari ini, adalah acara tahunan anjuran MSDA, Kumpulan Rai dengan kerjasama Persatuan Pemasaran dan Peralatan Menyelam (Dema).

Kira-kira 88 peserta daripada 22 negara mengambil bahagian dalam pameran itu. Adex 2001 dibuka mulai jam 10 pagi hingga 7 malam.

Abdul Kadir berkata, kerajaan sedang berusaha untuk memastikan penyelam dari seluruh dunia mendapat layanan baik ketika berada di negara ini.

Sementara itu, Mukhriz berkata, lebih 30,000 penyelam mengunjungi Malaysia setiap tahun dan jumlahnya dijangka bertambah setiap tahun.

Katanya, setiap tahun penyelam membelanjakan kira-kira RM8.9 juta untuk aktiviti menyelam di negara ini.

Daripada jumlah itu, katanya kira-kira 60 peratus penyelam membelanjakan RM3,500 hingga RM4,000, manakala 30 peratus menghabiskan RM2,500 hingga RM3,500 dan 10 peratus penyelam membelanjakan RM2,000 hingga RM2,500 untuk menyelam sambil melancong di negara ini.

Beliau berkata, tahun lalu, aktiviti menyelam di Sabah saja menyumbang pendapatan sebanyak RM50 juta iaitu 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan negeri itu.

"Setiap tahun kira-kira 7,500 penyelam mendapat lesen menyelam di negara ini dan jumlahnya dijangka bertambah setiap tahun," katanya.

Ketika ini, katanya MSDA sedang rancang menjalankan pelbagai aktiviti bagi mempromosi sukan menyelam termasuk menganjurkan Rakan Muda Menyelam dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan bagi menggalakkan remaja dan pelajar sekolah terbabit dalam sukan ini.

MSDA juga, katanya menjalankan usaha sama dengan Jabatan Perikanan Malaysia untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga taman laut dan terumbu karang.

(END)